



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA**

---

**Selasa, 24 Mac 2020  
Untuk Siaran Segera**

**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**TAJUK: OPERASI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM  
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

---

1. Sepertimana yang telah diumumkan oleh Menteri Kanan (Pertahanan) Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob bertarikh 23 Mac 2020, Kementerian Pengangkutan ingin sekali lagi menegaskan bahawa semua **mod pengangkutan awam di seluruh negara hanya akan dibenarkan beroperasi dari jam 6 pagi ke 10 pagi dan 5 petang ke 10 malam sahaja setiap hari, berkuatkuasa mulai 25 Mac 2020 sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).**
2. Mod pengangkutan awam darat yang terlibat adalah **bas henti-henti, bas percuma seperti GoKL dan Smart Selangor, semua feeder bas, perkhidmatan rel LRT, MRT, Monorel, ERL dan KTMB.** Bagaimanapun, perkhidmatan taksi dan e-hailing masih boleh meneruskan operasi seperti biasa, mengikut garis panduan yang telah ditetapkan sebelum ini.
3. Kementerian ini mengambil maklum bahawa mod pengangkutan awam merupakan mod pengangkutan yang menjadi kebergantungan masyarakat khususnya golongan B40. Keputusan ini adalah sukar untuk diputuskan, namun begitu, bagi **memastikan PKP dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan selari dengan tujuannya iaitu memutuskan rantaian jangkitan pandemik Covid-19 dengan**

**mengelakkan orang ramai daripada berhimpun** termasuk di dalam pengangkutan awam, tempat perhentian atau stesen dan terminal.

4. Selain itu, terdapat juga laporan mengenai penurunan peratusan penumpang yang menggunakan mod pengangkutan awam sejak PKP dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 lalu. Statistik penurunan penumpang adalah seperti berikut ;

**BAS termasuk bas henti-henti, bas percuma seperti GoKL dan Smart Selangor, semua feeder bas (penurunan sebanyak 91.63%)**

16 Mac 2020 : 233,500 penumpang.

22 Mac 2020 : 19,540 penumpang.

**KOMUTER (dari 18 – 22 Mac 2020 dengan penurunan secara purata 89.25%)**

6 pagi – 10 pagi : dari 35,050 turun kepada 3,768 penumpang.

10 pagi – 5 petang : dari 11,683 turun kepada 1,256 penumpang.

5 petang – 10 malam : dari 31,156 turun kepada 3,350 penumpang.

**RAPID RAIL termasuk LRT, MRT, Monorel (penurunan sebanyak 95.09%)**

16 Mac 2020 : 578,716 penumpang.

22 Mac 2020 : 28,409 penumpang.

**ERL (penurunan sebanyak 87.08%)**

16 Mac 2020 : 14,642 penumpang.

22 Mac 2020 : 1,892 penumpang.

5. Namun pada masa ini, perkhidmatan bas ekspres di Semenanjung Malaysia masih diteruskan operasinya, bertujuan **menyediakan keperluan yang terhad kepada individu yang terlibat dalam menyediakan perkhidmatan penting atau essential sahaja.**

6. Kementerian Pengangkutan Malaysia tidak mengarahkan mana-mana operator bas ekspres untuk menghentikan terus perkhidmatan mereka. Namun, Kementerian

juga tidak mempunyai sebarang halangan sekiranya terdapat operator bas ekspres yang terpaksa mengurangkan trip atau bercadang untuk menggantung sementara perkhidmatan mereka sepanjang tempoh PKP ini memandangkan permintaan menurun secara mendadak ke atas perkhidmatan bas ekspres.

7. Kementerian ini juga bekerjasama dengan semua Kerajaan Negeri di seluruh negara bagi memantau perkembangan terkini di terminal dan jalan raya dari semasa ke semasa, bagi tindakan yang selanjutnya untuk sektor perkhidmatan pengangkutan awam.

8. Sekali lagi saya ingin menasihatkan orang ramai supaya tidak keluar dari rumah, melainkan sekiranya benar-benar perlu sahaja. Ini bagi memastikan keberkesanan PKP yang bertujuan memutuskan rantai penularan wabak Covid-19 ketika ini. Sebarang aduan / pertanyaan sila e-mel ke [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my) , atau WhatsApp ke 019-2907723. Hotline MOT : 1800-88-7723 (8am-8pm). Atau boleh menghubungi Pusat Pengurusan Operasi Negara, Majlis Keselamatan Negara, di talian 03-88882010.

**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**24 MAC 2020**

**- TAMAT -**